

# Hubungan Antara Undang-Undang Keluarga dengan Akhlak Islam

**U**ndang-undang keluarga Islam boleh difahami sebagai peraturan-peraturan yang dengannya sesebuah keluarga Islam terbina. Dengannya juga hubungan sesama ahli keluarga dapat diatur.

## SITI SHAMSAH MD SUPI

■ Pegawai Penyelidik Kanan  
Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Sains Politik  
Institut Kefahaman Islam  
Malaysia (IKIM)



Secara umumnya, peraturan atau peruntukan yang terkandung dalam undang-undang keluarga Islam telah pun dinyatakan secara terperinci dalam al-Quran dan sunnah. Dalam konteks negara kita, undang-undang keluarga Islam mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal termasuk:

- Hal-hal yang bersangkutan dengan perkahwinan pertunangan, syarat-syarat sah pernikahan; prosedur pendaftaran perkahwinan, mahar dan poligami.
- Pembubaran perkahwinan yang meliputi cerai dengan talak, pembubaran dengan perintah, tebus talak, taklik, fasakh, anggapan mati, pendaftaran perceraian, mutaaah dan harta sepencarian.
- Nafkah isteri, anak-anak dan nafkah-nafkah lain, kuasa-kuasa mahkamah dalam membuat perintah nafkah dan nafkah selepas perceraian.
- Hadanah atau hak penjagaan anak termasuk mereka yang berhak untuk menjaga anak serta kelayakan

masing-masing, tempoh penjagaan, perintah penjagaan oleh mahkamah, kuasa-kuasa penjagaan atas harta, pelantikan penjaga oleh mahkamah, pemecatan penjaga, had kuasa penjaga dan kuasa mahkamah membatalkan hak penjagaan.


- Pelbagai perkara yang meliputi pengiktirafan kepada perkahwinan yang dilakukannya di luar negara, penentuan nasab bagi anak yang dilahirkan, masalah isteri yang ditinggalkan langsung oleh suami dan masalah perkahwinan yang tertakluk kepada undang-undang negara asing.
- Penalti-penalti.

## Akhlak dan Menjunjung Syariah

Sebenarnya, akhlak adalah salah satu dimensi agama Islam yang turut merangkumi syariah dan juga akidah. Akidah adalah tunjang kepada hidup seseorang manusia; manakala syariah pula aturan yang perlu dilalui oleh manusia ketika menjalani kehidupan di dunia ini.

Sering kali akhlak dianggap sebagai buah atau hasil kepada pegangan akidah yang kuat dan penghayatan dari sudut amali, yakni syariat.

Orang yang mempunyai keimanan yang tinggi akan menjunjung syariah. Walau di mana mereka berada dan apa pun peranan mereka, orang yang



beriman akan mengurus kehidupan mereka berlandaskan prinsip-prinsip hukum syarak, beramal dengan syariah dan tidak melangkaui batas yang telah ditetapkan.

Dalam konteks kekeluargaan, setiap ahli keluarga akan menunaikan fungsi mereka menurut tanggungjawab yang tergalas di bahu mereka. Seseorang bapa atau suami yang taat akan Allah akan memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

## Tidak Culas Tanggungjawab

Umpamanya, ketika melaksanakan tanggungjawab menyediakan nafkah kepada isteri dan anak-anak, orang yang beriman akan bersungguh-sungguh untuk menunaikannya sebaik mungkin. Mungkin dalam melaksanakan tanggungjawab ini terdapat halangan atau cabaran yang terpaksa dihadapi, tetapi mereka



akan berusaha dengan bersungguh-sungguh memelihara ahli keluarga.

Mungkin realitinya nafkah tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna disebabkan kekangan-kekangan tertentu, tetapi mereka tidak bersikap culas atau mengelak daripada menunaikan tanggungjawab.

Kaya atau miskin bukan penentu mutlak kebahagiaan keluarga. Akhlak yang baik boleh menjadi contoh kepada ahli keluarga yang dipimpinnya. Selain menimbulkan rasa hormat, dengan bimbingan yang betul semua ahli keluarga akan sama-sama memastikan keharmonian dapat dipelihara dalam keluarga berkenaan dengan sikap berkongsi dan bertoleransi.

### **Pelihara Setiap Ahli Keluarga**

Banyak kes perceraian yang difailkan oleh pihak isteri adalah dengan

alasan suami gagal melaksanakan tanggungjawab nafkah. Walaupun demikian, hasil tinjauan dan perbualan penulis dengan beberapa orang isteri mendapati, mereka tetap boleh bertolak ansur sekiranya suami telah berusaha bersungguh-sungguh tetapi pendapatan yang diraih masih tidak mencukupi. Bukan disebabkan sikap sengaja cuai atau bersikap tidak peduli.

Malah di sekeliling kita ada sahaja isteri yang sanggup menjaga suami yang sakit terlantar dan tidak mampu mencari nafkah seperti kelaziman yang dilakukan oleh mana-mana lelaki. Biasanya ke-setiaan seorang isteri adalah tanda terima kasihnya terhadap sikap menghargai suami sebelum itu, selain atas rasa tanggungjawab isteri berkenaan.

Contoh di atas dapat menjelaskan kepada kita bahawa seseorang yang berakhlak dan menjaga sahsiahnya akan

“

*Orang yang beriman mengurus kehidupan mereka berlandaskan prinsip-prinsip hukum syarak, bermal dengan syariah dan tidak melangkaui batas yang telah ditetapkan.*

”

mendukung dan memelihara setiap kepentingan ahli keluarga sebagaimana yang dituntut oleh syariah.

Malah tindakan ini akan berlaku sejak awal ia hendak mendirikan rumah tangga. Dari perkara yang berkaitan dengan merisik, bertunang, bernikah sehinggalah hidup di bawah satu bumbung dengan pasangannya.

Sebaliknya, pernikahan hasil daripada pujukan terhadap wanita untuk berkahwin tanpa melalui prosedur yang betul adalah contoh tindakan manusia tanpa akhlak.

Malangnya semakin banyak fenomena kahwin lari berlaku disebabkan pasangan tidak diresmikan oleh ibu bapa atau bagi mengelak isteri sedia ada tahu bagi perkahwinan poligami. Sesetengah kahwin lari kerana berpoligami disebabkan pasangan enggan untuk mengikut prosedur yang ditentukan oleh mahkamah syariah.

### **Sokongan Ahli Keluarga**

Akhlak yang baik sudah semestinya perlu ada pada setiap ketua keluarga yang berperanan sebagai pemimpin keluarga berkenaan. Walaupun begitu, ia memerlukan sokongan daripada setiap ahli keluarga.

Mutakhir ini kejadian isteri yang tidak mahu menghormati suami atau bersikap nusyuz, sudah tidak menghairankan masyarakat. Sebenarnya, apa pun masalah yang berlaku dalam sesebuah keluarga boleh diselesaikan dengan cara yang baik, bukannya bertindak mengikut emosi. ❁